

KOPERASI SEKOLAH: ASET ATAU LIABILITY

CHE MAHMUD AWANG

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

114732



114732

1993

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh mana kecemerlangan koperasi sekolah. Jika hasilnya positif, maka koperasi boleh dikatakan satu aset , jika sebaliknya ia dikatakan satu liabiliti atau tanggongan kepada pihak sekolah. Objektif kajian ini ialah untuk mengetahui tahap pengurusan, hubungan dan pengaruh koperasi sekolah dari sudut fungsi dan kemahiran pengurusan, kemahiran komunikasi penulisan dan kemahiran komunikasi lisan dengan kejayaan pengurusan koperasi sekolah. Seramai 45 orang guru-guru koperasi sekolah menengah dari 15 buah sekolah menengah sekitar bandar Sungai Petani, Kedah terlibat sebagai responden menjawab soal selidik.

Hasil ujian hipotesis menggunakan ujian korelasi dan ujian regresi berganda menunjukkan wujud perhubungan yang positif antara fungsi dan kemahiran pengurusan dengan kejayaan pengurusan koperasi sekolah. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan positif antara kemahiran komunikasi penulisan dan lisan dengan kejayaan pengurusan koperasi sekolah.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Kerja yang berat akan menjadi ringan sekiranya dilakukan dengan bekerjasama. Masalah lebih mudah diselesaikan dengan mengamalkan pendekatan bermesyuarah. Ia amat penting diamalkan di mana-mana organisasi sekali pun. Dalam berkoperasi kedua-dua perkara tersebut amat dituntut. Melalui perbincangan dan kerjasama menjadi penentu kejayaan koperasi demi kepentingan dan perkhidmatan untuk semua anggotanya.

1.1 Latar Belakang

Matlamat utama penubuhan koperasi adalah untuk memberikan perkhidmatan kebajikan kepada anggota-anggota koperasi dan sasaran keuntungan biasanya menjadi agenda kedua, Azlan (1999:1). Dari segi prinsipnya, koperasi bukan diasaskan untuk meraih keuntungan yang tinggi. Untungnya sekadar untuk menanggung kos operasi dan memberi sedikit pulangan kepada anggotanya. Cara perniagaan yang dikendalikan oleh koperasi tidak memberansangkan banyak pihak untuk menyertainya malah ramai yang berpendapat pelaburan dalam sektor koperasi tidak memberikan pulangan yang lumayan.

1.2 Sejarah Awal Gerakan Koperasi

Koperasi yang pertama di dunia ditubuhkan di Jalan Toad Rochdale, England pada 21 Disember 1844, Asan Ali (1998:1). Masyarakat Rochdale pada masa itu dihimpit pelbagai masalah dan mereka hidup dalam keadaan daif. Kesedaran serta keperluan mereka untuk meningkatkan taraf hidup telah membuatkan sekumpulan manusia bergabung modal dan berusaha bersama-sama untuk membangunkan ekonomi mereka. Perkhidmatan yang disediakan juga adalah untuk memenuhi keperluan hidup mereka dan mereka menanamkan semangat bekerja bersama-sama untuk kepentingan bersama.

Di Tanah Melayu, koperasi ditubuhkan kerana kehidupan orang Melayu pada masa itu yang semakin terhimpit dan tercicir di negara mereka sendiri. Orang Melayu hidup dalam keadaan yang serba kekurangan di kawasan luar bandar yang mundur. Kebanyakan mereka terlibat dalam sektor pertanian tradisional yang serba ketinggalan dari segi penggunaan teknologi moden. Keadaan mereka yang daif ini telah memberi peluang kepada orang tengah untuk mengeksplorasi orang Melayu, terutamanya petani.

Kerana tidak ada sebarang persatuan atau perkongsian orang Melayu terpaksa memilih sistem dan sumber pinjaman di kampung seperti padi kunca atau pada ratus (hasil tanaman dijual sebelum

padi dituai), jual janji, kedai-kedai kecil tempatan, pemberi pinjaman tempatan dan sahabat handai. Sumber dari luar kampung (bandar) pula adalah seperti pajak gadai dan peminjam wang, Abdul Majid (1993). Setelah menyedari keadaan ini, pada tahun 1908 kerajaan Inggeris telah memperuntukkan wang sebanyak 25,000 ringgit daripada sumber hasil negeri Perak untuk kemudahan pekebun kecil membuat pinjaman.

Namun begitu, rancangan tersebut tidak berjaya kerana beberapa sebab. Antaranya ialah orang yang dijangka meminjam tidak pula membuat pinjaman. Peminjam pula lambat membayar balik hutang pokok, serta gagal atau lambat membayar balik faedah pinjaman. Kerajaan juga terpaksa bersaing dengan ceti atau ‘Peminjaman Wang Tempatan’. Pada masa yang sama, kerajaan berhadapan dengan masalah kekurangan kakitangan yang berpengalaman di samping publisiti yang tidak meluas. Rancangan tersebut gagal mencapai tujuan kebijakan, iktisad atau siasah yang sepatutnya boleh dijadikan dasar kegiatannya, Roff (1984:11).

Pegawai tinggi Inggeris telah mencadangkan agar ditubuhkan koperasi di Tanah Melayu khususnya yang bercorak kredit pada tahun 1907, tetapi tidak mendapat sambutan daripada tuan tanah disebabkan wujudnya amalan faedah (riba). Perkara yang sama telah dilengkinkan semula pada tahun 1911 akibat penderitaan